



قجابه قربندهاران نكري كلتن  
**PEJABAT PERBENDAHARAAN**  
**NEGERI KELANTAN**  
Blok 4, Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957  
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343  
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429  
Bendahari Negeri : 09-7483484  
Penolong Pegawai Kewangan Negeri : 09-7441024  
(Khidmat Pengurusan)  
Fax No : 09-7487113  
E-mail : treasury@kelantan.gov.my  
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj. Kami : PKN.D.7/5-72(Jld.4(56))  
Bertarikh : 06 Syaaban 1441H  
31 Mac 2020

Ke Majlis,

Semua Pegawai Pengawal,

SS Dato'/YB Dato'/YABhg. Dato'/Tuan,

### **ARAHAN PEMBAYARAN MELALUI ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada surat arahan pejabat ini PKN.D.10-54(01) bertarikh 23 Disember 2013 .

2. Dimaklumkan selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan serta bertujuan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dalam membantu menjayakan Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan oleh Kerajaan, bermula **1 April 2020 sehingga 30 April 2020** semua pembayaran tanpa had nilai hendaklah melalui kaedah *Electronic Fund Transfer* (EFT) **kecuali** bagi bayaran yang masih memerlukan penggunaan cek.

3. Sehubungan dengan itu, semua Jabatan/PTJ dipohon mengambil tindakan sebagaimana berikut ketika memproses baucar bayaran:

- 3.1 menukar jenis bayaran cek kepada jenis bayaran EFT di skrin PTJ Kewangan masing-masing; dan
- 3.2 memastikan Akaun Bank Penerima dikunci masuk dengan betul.

4. Kerjasama SS Dato'/YB Dato'/YABhg. Dato'/Tuan dalam memastikan perkara ini dapat dilaksanakan dengan sempurna amatlah diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**

Saya yang menjalankan amanah,

**DATO' AHMAD ROBERT BIN ABD RAHIM, D.P.S.K.(Kelantan)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Kelantan